

LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 26 FEBRUARI 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|-----|--|---|
| 1. | SAIFUDDIN, SIM TZE TZIN EMPTY THEIR OFFICES, NEWS, GUANG MING DAILY -A3 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 2. | HARIAN METRO TERIMA ANUGERAH MAQIS, SETEMPAT, HM -19 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 3. | PERTIMBANG AKTA PERIKANAN DEMI KEBAJIKAN NELAYAN, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -16 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 4. | TERNAK 'SEPIT MERAH' TEPI RUMAH, BISNES SINAR, SH -34 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | Saifuddin, Sim Tze Tzin empty their offices | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 26 Feb 2020 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A3 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 166 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,515 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,545 |



賽夫丁沈志勤清空辦公室

(槟城25日讯) 内阁解散，所有政治委任的布城希望政府办公室也得依照程序清空。国内贸易与消费人事务部部长拿督斯里赛夫丁及农业与农基工业部副部长沈志勤，今早也先后搬空撤出办公室。

赛夫丁办事处主任李文兴接受光明日报询问时证实，尽管事出突然，但他们都在今早顺利清空布城的办公室，准备返槟城的国州选区办事处处理选区事务。

他说，随着我国政局大动荡，尽管希望还在，但内阁已解散，所有政治委任官职皆需根据程序迁出布城办公室，这包括所有部长、副部长、部长或副部长的政治秘书、机要秘书、特别事务官等，同时所有原定、预约的国内外工作行程，也一并中止，但国会议员的国会选区服务中心与办事处除外。

國內外行程取消

他说，赛夫丁原定下周赴南非与他本身原定今天赴新加坡的所有官访行程，也一律取消。其他预约与工作项目都停止。他说，目前他们也会感到旁徨，但一切胥视今午国家元首召见国会议员之后才能了解结果。



■李文兴一早已为自己和帮赛夫丁收拾好文件与用品迁出布城办公室。

| | | | |
|------------|------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Harian Metro terima anugerah Maqis | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 26 Feb 2020 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 112,705 |
| Page No | 19 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 194 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,642 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 22,927 |



Harian Metro terima anugerah Maqis



HARIAN Metro menerima Anugerah Khas daripada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) di Putrajaya, semalam. Anugerah itu disampaikan Timbalan Ketua Setiausaha MOA, Datuk Haslina Abdul Hamid kepada Pengarang Kumpulan Harian Metro, Husain Jahit.

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Pertimbang Akta Perikanan demi kebajikan nelayan | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 26 Feb 2020 | Color | Black/white |
| Section | TEMPATAN | Circulation | 37,981 |
| Page No | 16 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 434 cm ² |
| Journalist | ALEXANDRA LORNA | AdValue | RM 2,583 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 7,748 |



Pertimbang Akta Perikanan demi kebajikan nelayan

ALEXANDRA LORNA

KUCHING: Ahli Parlimen Bandar Kuching Dr Kelvin Yii mencadangkan satu pertimbangan khas terhadap Akta Perikanan Subseksyen 10 (1) (C) dilakukan bagi membenarkan pengambilan pekerja asing untuk bot nelayan berlesen A dan bot nelayan berlesen B.

Beliau berkata hal ini telah diajukan melalui satu dialog bersama para nelayan dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia baru-baru ini.

"Mereka, para nelayan yang memegang lesen A dan lesen B telah meminta untuk membuat pertimbangan terhadap pengambilan pekerja asing di dalam bot mereka kerana sebelum ini menurul akta tersebut, mereka tidak dibenarkan mengambil pekerja asing.

"Berikutnya usia mereka yang semakin tua, mereka memerlukan bantuan di atas bot untuk menangkap ikan dan telah melakukan pel-

bagai usaha untuk mengambil pekerja tempatan melalui pelbagai cara seperti iklan di surat khabar, namun kelebihan kurang minat dari orang tempatan untuk bekerja sebagai nelayan," katanya.

Beliau berkata demikian pada satu majlis perjumpaan bersama Persatuan Kotak Tangkap Ikan Sungai Apong, di sini semalam.

Beliau menambah walaupun pihaknya sangat menyokong prinsip akta tersebut bagi menyediakan pekerjaan untuk orang tempatan dan bagi melindungi sumber laut daripada pengambilan orang asing, beliau mencegah pertimbangan khas ini dibuat dengan beberapa syarat tertentu.

"Antara syaratnya adalah, jika pengambilan pekerja asing dibenarkan, pemilik bot lesen A dan B harus berada di dalam bot sekali ketika penangkapan ikan.

"Ini bagi memastikan sumber laut yang ditangkap hanya akan dijadikan sumber



AHLI Parlimen Bandar Kuching Dr Kelvin Yii (empat kirai) bersama Adun Pending Violet Yong (lima kirai) menyampaikan sumbangan khas kepada Pengurus Persatuan Kotak Tangkap Ikan Sungai Apong Lau Joong (lima, kanan), turut kelihatan ahli-ahli persatuan.

makanan untuk kita sahaja," katanya.

Beliau berkata beliau akan membawa perkara ini ke persidangan Parlimen akan datang iaitu pada Mac dan juga berjumpa dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas

Tan Datuk Seri Salahuddin Ayub untuk mendapatkan pertimbangan beliau.

Terdahulu, Dr Kelvin telah menyampaikan sumbangan khas sebanyak RM34,000 kepada Persatuan Kotak Tangkap Ikan Sungai Apong bagi

membeli peralatan menangkap ikan di laut serta peralatan keselamatan.

Turut berucap, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pending Violet Yong berkata, sejak Oktober lalu lepas, para nelayan di

persatuan tersebut sudah jarang ke laut disebabkan musim tengkujuh.

"Sekarang, kami sedang membantu mereka untuk mendapatkan bantuan Touch Point yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi meringankan beban dalam bentuk peralatan menangkap ikan," katanya.

Beliau turut menyuarakan kerisauan para nelayan tentang bantuan khas Kerajaan Sarawak sebanyak RM300 untuk membantu nelayan semasa musim tengkujuh yang belum diperolehi sehingga kini meskipun permohonan sudah dibuat.

"Bantuan ini telah diumumkan semasa pembentangan bajet negeri pada November tahun lepas, namun sehingga kini mereka mengatakan mereka belum mendapat apa-apa bantuan," ujarnya.

Violet turut menyumbang cek sejumlah RM5000 kepada persatuan tersebut untuk meringankan beban mereka.

Udang Kara yang ditemak oleh Muhammad Hazizi di rumahnya Port Dickson, Negeri Sembilan.



Muhammad Hazizi memulakan ternakan anak benih udang kara di rumahnya dengan modal RM10,000 bersama tiga rakannya.

Ternak 'sepit merah' tepi rumah

Pembantu farmasi mahu bina hab pengeluaran anak benih udang kara di Port Dickson

Siapa sangka dengan memanfaatkan kawasan di sebelah rumahnya untuk menternak kira-kira 40 ekor anak benih udang kara atau *lobster*, kini ternakan milik Muhammad Hazizi Ghazali itu bakal menjadi hab ternakan anak benih udang kara air tawar di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Pembantu farmasi berusia 25 tahun itu berkata, beliau mula menternak udang kara di dalam dua tangki air di sebelah rumahnya tanpa sebarang ilmu pada 2018 dan belajar sendiri selama enam bulan bagaimana proses untuk menternak, mendapatkan kadar pH air yang sesuai sehingga udang kara berjaya bertelur dan menghasilkan anak benih.

"Daripada 40 ekor anak benih itu, lebih separuh daripadanya mati. Selesai fasa eksperimen pada bulan Oktobre saya buat keputusan untuk jalankan perniagaan anak benih udang kara bersama tiga lagi kawan yang juga bekas pelajar Diploma Farmasi dengan bermodalkan RM10,000."

"Kami bina tempat ternakan anak benih dalam akuarium, kolam simen dan kolam kanvas bersebelahan rumah saya," katanya.

Muhammad Hazizi berkata, permintaan tinggi terhadap anak benih udang kara jenis *red claw* itu sehingga terdapat tempahan yang masih tertunggak, mendorongnya untuk melangkah setengah lagi dalam perniagaannya itu.

"Kalau saya siarkan dalam Facebook memang banyak tempahan masuk. Tempat ternakan yang ada sekarang hanya boleh memuatkan kira-kira 2,000 hingga 3,000 anak benih bersaiz satu ke tiga inci dan setiap satu inci tumbesaran mengambil masa sebulan," katanya.

Usaha penuhi permintaan pelanggan

Justeru, bagi memenuhi permintaan tinggi termasuk pelanggan dari Pahang dan Melaka, beliau merancang untuk membina hab ternakan anak benih udang kara di atas tanah bersebelahan rumahnya yang akan diusahakan bersama Persatuan Nelayan Kawasan Port Dickson (PNKPD), sekali gus dapat meningkatkan lagi pendapatannya.

Udang kara juga boleh makan kawannya sendiri khususnya ketika proses bersalin kulit. Jadi, memang kena pantau betul-betul, kalau tidak lebih banyak yang akan mati."

- Muhammad Hazizi

"Hab ternakan anak benih ini nanti mampu mengeluarkan 10,000 anak benih bersaiz satu hingga tiga inci dan 6,000 hingga 8,000 ekor udang kara dewasa dalam tempoh sebulan dengan kos pembinaan dianggarkan RM100,000," katanya.

Muhammad Hazizi berkata, seekor udang kara bersaiz tiga inci boleh menghasilkan 150 ke 200 ekor anak benih tetapi hanya 80 peratus yang akan hidup bergantung kepada penjagaan termasuk pemakanan dan pH air.

"Selain daripada perlu pastikan air tidak terlalu kotor, pH yang sesuai, diet dan pemakanan terjaga, antara cabaran menternak udang ini adalah ia terdedah kepada haiwan di sekeliungi seperti burung raja udang, biawak, katak dan memerang kerana ternakan ini berkonsep terbuka.

"Udang kara juga boleh makan kawannya sendiri khususnya ketika proses bersalin kulit. Jadi, memang kena pantau betul-betul, kalau tidak lebih banyak yang akan mati," katanya.

Ternak benih secara komersial

Mengenai harga jualan anak benih udang kara, beliau berkata, ia bergantung kepada saiz bermula RM1 hingga RM5 seekor dan biasanya pelanggan akan membeli 300 hingga 600 ekor anak benih.

"Kita juga buat bayar ketika terima (COD) tetapi tempahan minimum adalah 200 hingga 300 anak benih dan ada caj penghantaran.

"Untuk mereka yang baru berjinak-jinak dalam ternakan udang kara ini saya sarankan ambil pakej iaitu set tempat ternakan kolam

kanvas dengan anak benih bersama lima ekor induk," katanya.

Muhammad Hazizi berkata, buat masa ini, beliau turut bekerjasama dengan empat lagi rakannya dikenali sebagai PD Lobster Group untuk menternak anak benih udang kara sehingga dewasa untuk dipasarkan ke restoran.

"Kita rancang untuk mula bulan April ini, kumpulan ini akan ternak anak benih secara komersial di lokasi masing-masing dan anak benihnya saya bekalkan."

"Apabila dewasa nanti anak benih diserahkan semula kepada saya untuk dipasarkan ke restoran di sekitar Port Dickson," katanya.

Selain itu, Muhammad Hazizi berkata, beliau juga merancang untuk membuat tempat ternakan baharu jenis kolam tanah di Pasir Panjang, Port Dickson hujung tahun ini.

Katanya, kolam tersebut disasarkan untuk mengeluarkan udang kara dewasa seberat 50 hingga 100 kilogram sebulan.

"Ketika ini saya dalam proses untuk dapatkan sijil Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) kerana dengan adanya pengiktirafan ini ia menunjukkan tempat ternakan kolam tanah ini bersih dan terjamin, sekali gus dapat memastikan pasaran hasil ternakan diperluas dalam skala lebih besar," katanya. - Bernama



UDANG KARA AIR TAWAR

- Juga dikenali *red claw crayfish*
- Dipercayai berasal dari Australia
- Mudah diterak, kurang dianjurkan penyakit
- Saiz matangnya antara 8 hingga 14cm
- Harganya kira-kira RM60 per kilogram
- Kaya dengan protein, kurang kolestrol
- Boleh dijadikan halwan hiasan akuarium